




Bersama-sama
membentuk asas untuk mengadaptasi
gaya NDK tersendiri ke arah kemajuan
yang boleh kita banggakan

4 Aspirasi

Bersama-sama membentuk
asas untuk mengadaptasi gaya NDK tersendiri ke
arah kemajuan yang boleh kita banggakan

Kualiti



Cabaran



Kerja
Berpasukan



Inisiatif



"4 Aspirasi" sebagai asas kepada pasukan

Setiap orang mempunyai cara berfikir dan kebolehan yang berbeza.

Personaliti, gaya hidup dan impian juga berbeza.

Amat sukar untuk menyatukan beribu-ribu individu yang pelbagai bagi mencapai satu objektif yang sama.

Perlu ada titik persamaan yang boleh dikongsi bersama. Walaupun setiap orang berbeza, titik persamaan ini boleh menyatukan sesebuah pasukan.

Kita boleh mencapai keputusan diluar jangkaan dengan cara menerima perbezaan antara satu sama lain semasa bekerja berpasukan.

Apakah maksud titik persamaan?

Jika anda membandingkannya dengan kipas kertas, ianya mudah difahami.


Kuncinya ialah "4 Aspirasi".

"Kualiti" "Cabaran" "Kerja Berpasukan" "Inisiatif"

Jika "4 Aspirasi" ini disatukan,
Ia akan menjadi satu asas yang kuat.

Jika kita membuka kipas kertas ini secara meluas, ia akan menjadi sayap yang membolehkan kita terbang.

Dengan "4 Aspirasi" ini sebagai ikatan yang menyatukan semua pekerja, kita boleh membangunkan NDK menjadi sebuah syarikat yang penuh kebanggaan dan kegembiraan.



Kualiti

Fokus pada *Kualiti* dalam pemikiran dan tindakan kita

Produk kita di NDK merupakan nadi kepada rangkaian digital dan memainkan peranan penting dalam memberikan kebahagiaan dan kehidupan yang selesa keseluruh dunia.

Oleh itu, kita mesti menyedari bahawa walaupun satu kecacatan kecil dalam produk ini, ianya boleh mengancam nyawa. Oleh itu, kualiti produk memerlukan rasa tanggungjawab.

Walau bagaimanapun, kualiti ini bukan hanya boleh dicapai oleh pengurusan bahagian pembuatan sahaja. Setiap individu mesti terlebih dahulu meningkatkan kualiti kerja masing-masing. Dengan berbuat demikian, kita akan memanfaatkan keupayaan berpasukan lebih besar daripada jumlah ahli, yang akan menzahirkan kualiti yang sofistikated bagi semua produk yang kita tawarkan dan akan menaikkan tahap kebolehpercayaan pelanggan yang lebih tinggi.

Dengan cara pemikiran ini, mari terus tingkatkan kualiti kerja kita.



Cabaran

Terima *Cabaran* untuk mencipta masa depan, dan jangan sesekali berputus asa

Teknologi baharu membawa kita ke masa hadapan.

Walau bagaimanapun, masa depan yang dihasilkan oleh teknologi ini telah dibina di atas segunung kegagalan yang tidak terkira banyaknya. Itulah sebabnya kita mesti mempunyai budaya belajar daripada kegagalan. Jangan putus asa dengan kegagalan, cabar diri anda dan jangan pernah berputus asa. Angkat bendera kejayaan anda di puncak gunung kegagalan. Ini bukan sahaja terpakai kepada teknologi.

Kuasa semua pekerja untuk menjana penambahbaikan dan inisiatif pemikiran ke hadapan akan juga dapat mewujudkan masa depan yang baharu.

Teruskan dan jangan takut gagal.
Cari cabaran dalam kerja harian anda.




Kerja Berpasukan

Bina *Kerja berpasukan* yang terkuat

Terdapat had untuk apa yang seseorang boleh capai secara individu. Bekerjasama sebagai satu pasukan boleh membuahkan hasil yang unggul dalam apa jua pekerjaan. Ia adalah pertandingan berpasukan. Oleh itu, ianya memerlukan sikap saling berhubungan antara setiap individu. Sikap saling berhubungan adalah sikap saling bekerjasama, hormat-menghormati, dan berterima kasih.

Kerja berpasukan kita akan bertambah kukuh dengan memecahkan acuan, bersikap terbuka, dan melampaui silo yang memisahkan mana-mana Jabatan untuk berhubungan dengan mereka di sekeliling, di atas, di bawah dan bersebelahan dengan kita.

Mulakan setiap hari dengan bertukar salam dan senyuman.



Inisiatif


Bercita-cita dan perhalusi *Inisiatif* anda

Sebuah syarikat hanya boleh wujud jika ada individu. Pertumbuhan individu menjadikan syarikat berkembang. Bukan sebaliknya. Oleh itu, anda harus mempunyai kepakaran anda sendiri, dan memperhalusi kekuatan diri anda. Mempunyai sikap profesional semasa anda menjalankan kerja anda.

Jadilah orang yang sentiasa berfikir, "Jika saya, apa yang akan saya lakukan?" dan "Bagaimanakah saya boleh melakukan yang lebih baik?" Setiap individu mempunyai sokongan penuh dari syarikat untuk berkembang maju dengan keunikan watak anda sendiri.

Mari kita melangkah maju.

Di NDK, anda semua adalah watak utama.





NIHON DEMPA KOGYO CO.,LTD.